

WeKare Pain Relief Cooling Cream

Menthol 5.91 %w/w, Methyl Salicylate 25.00 %w/w

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan WeKare Pain Relief Cooling Cream
2. Bagaimana WeKare Pain Relief Cooling Cream berfungsi
3. Sebelum menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream
4. Cara menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream
5. Semasa menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream
6. Kesan- kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Pain Relief Cooling Cream
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan WeKare Pain Relief Cooling Cream

Untuk melegakan sakit otot dan kekakuan termasuk sakit belakang, *lumbago* dan *fibrositis*.

Bagaimana WeKare Pain Relief Cooling Cream berfungsi

Ia mengandungi *menthol* dan *methyl salicylate*. *Menthol* mengembangkan saluran darah dan menyebabkan sensasi kesejukan, diikuti dengan kesan analgesik. *Menthol* juga bertindak sebagai peningkat penembusan, meningkatkan penembusan ubat-ubatan apabila sapu pada kulit, untuk memberi permulaan tindakan yang lebih cepat. *Methyl salicylate* digunakan secara topikal sebagai perengsa lawan. Selepas sapu, ia diserap melalui kulit dan digunakan untuk melegakan kesakitan reumatik dan kesakitan otot atau sendi.

Sebelum menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan pada pesakit yang idiosinkrasi dengan aspirin atau salisilat.

Jangan guna sekiranya anda alah kepada bahan kandungan lain dalam WeKare Pain Relief Cooling Cream ini.

Kehamilan dan penyusuan

Jangan gunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream jika anda sedang hamil, merancang untuk hamil atau mengesyaki bahawa anda mungkin hamil. Jangan gunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream jika anda sedang menyusukan bayi.

Sila dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

- Sebelum menggunakan

Pada mulanya sapu kuantiti yang kecil pada kawasan kulit yang terhad dan memperhatikan sama ada ketidakselesaian atau kegatalan berlaku sebelum sapu pada kawasan kulit yang luas. Jika iritasi kulit berlaku, sila berhenti menggunakannya.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan kepada doktor atau ahli farmasi tentang ubat lain yang anda sedang ambil.

Penyapuan yang berlebihan oleh pesakit yang mengambil warfarin mungkin meningkatkan risiko pendarahan.

Cara menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream

- Berapa banyak perlu digunakan

Sapu krim yang mencukupi pada bahagian yang berkenaan dengan lembut, tidak melebihi 3 hingga 4 kali sehari.

Untuk kegunaan luar sahaja. Tidak boleh dimakan.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Terlebih dos tidak mungkin apabila digunakan seperti yang disyorkan. Sekiranya digunakan pada kawasan kulit yang luas atau melalui oral, produk mungkin akan menyebabkan kesan sistemik bergantung pada jumlah yang diserap.

Jika berlaku penggunaan dos yang berlebihan, rawatan sokongan dan simptomatik perlu diberikan.

Semasa menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream

- Perkara yang perlu dilakukan

Jangan sapu pada kawasan luka terbuka atau kulit yang rosak. Jangan gunakan secara meluas pada bahagian badan atau membalut. Jika simptom berterusan atau pada kanak-kanak di bawah 12 tahun, sila rujuk kepada doktor anda.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Tanya pengamal perubatan kesihatan anda apa-apa soalan yang anda mungkin ada tentang bagaimana untuk menggunakan WeKare Pain Relief Cooling Cream.

Kesan-kesan sampingan

Kerengsaan kulit, dermatitis sentuh, ruam, kegatalan, kemerahan atau pembengkakan, pembakaran atau

WeKare Pain Relief Cooling Cream

Menthol 5.91 %w/w, Methyl Salicylate 25.00 %w/w

rasa menyengat mungkin berlaku.

Boleh menyebabkan tindak balas hipersensitifan / alah pada sesetengah individu yang mempunyai masalah kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan atau laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan WeKare Pain Relief Cooling Cream

- Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada pancaran terus cahaya. Jauhkan daripada capaian kanak-kanak. Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput atau jika penutup muncung tiub telah rosak atau tiub telah bocor.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Krim berwarna putih, mudah disapu, melekit dan mempunyai bau cirian.

Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Menthol, methyl salicylate

- Bahan tidak aktif

Cetostearyl alcohol, cetomacrogol 1000, turpentine oil, eucalyptus oil, liquid paraffin, chlorocresol, purified water

- Nombor MAL:

MALXXXXXXXXXC

Pengilang

Syarikat Wen Ken Drug Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Wen Ken Marketing (M) Sdn Bhd
24, Jalan Lambak, Taman Johor,
81200 Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/08/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/163